

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1994/95

Oktober/November 1994

SAU 404 - Kriminologi

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA BELAS** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN

- [1] Jawab **SEMUA** soalan dalam **BAHAGIAN A**. Gunakan Kertas Jawaban yang di lampirkan dan tandakan jawaban Objektif dengan (X).
- [2] Jawab **SATU** soalan di **BAHAGIAN B**.
- [3] Soalan di **BAHAGIAN C WAJIB** dijawab.
- [4] Jawab **SATU** soalan di **BAHAGIAN D**.

... 2/-

BAHAGIAN A : Jawab **SEMUA** soalan.

Soalan Objektif [40 markah]

1. Ahli Kriminologi Positivist percayai bahawa tingkah laku jenayah disebabkan oleh faktor-faktor fizikal (jasmani) dan faktor-faktor alam sekitar yang tidak dapat dikawal.
[A] Benar
[B] Salah

2. Penjenayah memilih untuk melanggari undang-undang selepas ia telah menimbangkan faedah dan akibat-akibat tindakannya. Ini adalah pandangan ahli-ahli:-
[A] Kriminologi Rositivist
[B] Biokriminologi
[C] Psikokriminologi
[D] Kriminologi Klassikal
[E] Kriminologi Radical

3. Kedua-duanya ahli Biokriminologi dan ahli Psikokriminologi percayai bahawa keadaan fizikal (jasmani) dan mental adalah faktor-faktor utama yang membezakan penjenayah daripada orang lain yang mempatuhi undang-undang masyarakat.
[A] Benar
[B] Salah

4. Untuk ahli Biokriminologi, jenayah disebabkan oleh faktor-faktor personaliti, pelajaran dan proses-proses mental.
[A] Benar
[B] Salah

5. Ahli-ahli Kriminologi Klassikal seperti Beccaria dan Bentham telah mengkaji tingkahlaku jenayah secara saintifik.
- [A] Benar
[B] Salah
6. Ahli-ahli Frenologi (Phrenology) menumpukan bentuk dan kedudukan telinga, hidung serta mata sebagai faktor-faktor yang menyebabkan tingkahlaku 'anti sosial' dan jenayah.
- [A] Benar
[B] Salah
7. Ahli-ahli Fizionomi (Physiognomy) percayai bahawa ciri-ciri bentuk kepala mencerminkan unsur-unsur otak yang menentukan tingkahlaku manusia khususnya jenayah.
- [A] Benar
[B] Salah
8. Menurut Lombroso pesalah-pesalah jenayah serius termasuk mereka yang melakukan jenayah berulangkali (recidivist) telah dilahir sebagai penjenayah kerana mereka telah menwarisi ciri-ciri actavistik.
- [A] Benar
[B] Salah
9. Menurut Lombroso faktor-faktor alam sekitar seperti kekurangan pendidikan serta pertukaran suasana cuaca juga boleh menyebabkan jenayah berlaku.
- [A] Benar
[B] Salah

...4/-

10 Menurut _____ keadaan Anomali moral (moral anomaly), di mana penjenayah itu kurang memperolehi rasa kasih sayang (compassion) serta perasaan altruistik menyebabkan tingkahlaku jenayah.

- [A] Garofalo
- [B] Charles Goring
- [C] Enrico Ferri
- [D] Hooton
- [E] Tidak satu pun di atas adalah benar.

11. Menurut Sheldon pemuda-pemuda yang berbentuk jasmani mesomorph adalah lebih bersifat aggressif dan mereka mempunyai kemungkinan yang tinggi untuk melakukan jenayah.

- [A] Benar
- [B] Salah

12. Walaupun Sheldon percayai bahawa terdapat satu perhubungan yang kuat di antara bentuk tubuh badan jasmani dan ketidakseimbangan Psikiatrik (Psychiatric disorder), kajian-kajian saintifik semasa telah menolak usul ini sebagai tidak sah.

- [A] Benar
- [B] Salah

13. Sejak tahun 1920an ahli-ahli Kriminologi di Universiti Chicago telah mula mengkaji sebab-musabab jenayah berlaku berdasarkan faktor-faktor Biologi dan Psikologi

- [A] Benar
- [B] Salah

14. Penjara Pulau Pinang ditubuhkan pada tahun _____

- [A] 1850
- [B] 1849
- [C] 1860
- [D] 1905
- [E] 1957

15. Menurut Merton, perubahan sosial daripada pembangunan ekonomi yang pesat atau kemelesetan ekonomi akan membawakan 'Anomie' serta berbagai jenis tingkah laku penyelewengan termasuk jenayah.

- [A] Benar
- [B] Salah

16. Menurut Durkheim, jenayah adalah satu fenomena yang biasa (normal) dalam kehidupan sosial

- [A] Benar
- [B] Salah

17. Menurut Merton kebanyakkan jenayah akan dilakukan oleh kelas bawahan kerana mereka yang kurang sekali memperolehi peluang-peluang untuk mencapai matlamat-matlamat yang sahih (legitimate goals)

- [A] Benar
- [B] Salah

18. Teori-teori Sosiologikal andaikan bahawa sifat-sifat fizikal dan mental penjenayah berbeza daripada orang lain

- [A] Benar
- [B] Salah

...6/-

19. Menurut Encik Ibrahim, lebih daripada 60% banduan-banduan di penjara Pulau Pinang telah melakukan jenayah bersabit dengan dadah dan kebanyakan kes recidivist juga terdiri daripada mereka.
- [A] Benar
[B] Salah
20. Di sistem penjara Pulau Pinang seorang banduan yang terlama dalam institusi itu yang akan diberikan tidak lama lagi akan diberi pakaian
- [A] berkolar putih
[B] suit berwarna biru
[C] berkolar merah
[D] berkolar biru
[E] suit berwarna hijau.
21. Satu kelemahan teori-teori Psikokriminologi dan Biokriminologi ialah bahawa teori-teori tersebut tidak dapat menjelaskan kenapa kadar jenayah berbeza dari satu kejiranan ke satu kejiranan yang lain dan juga dari satu golongan masyarakat ke satu yang lain.
- [A] Benar
[B] Salah
22. Menurut Marx tegangan struktur sosial adalah sebab utama kenapa masalah jenayah wujud.
- [A] Benar
[B] Salah

...7/-

23. Ahli-ahli Biokriminologi moden telah mengaitkan jenayah kepada pemakanan diet termasuk
- [A] zat-zat makanan vitimin B3, B6 dan vitamin C
[B] kabohidrate
[C] glukose
[D] semua di atas adalah benar
[E] A dan B sahaja benar.
24. Kajian-kajian Biokriminologi telah hubungkaitkan hormone kewanitaan (testosterone) kepada tingkahlaku jenayah kekerasan.
- [A] Benar
[B] Salah
25. Kajian Katharina Dalton mengenai hubungan sindron pra haid (Premenstrual Syndrome [PMS]) dengan jenayah kekerasan di kalangan jenayah remaja wanita telah disokong dan disahkan oleh bukti-buktii penemuan penyelidikan Biokriminologi terkini.
- [A] Benar
[B] Salah
26. Kajian Biokriminologi telah menumpukan 'cahaya' (lighting) yang berpunca dari tiub Flurescent dan televisyen sebagai faktor-faktor pengaruh utama yang mengakibatkan tingkahlaku agresif (ganás) dan antisosial.
- [A] Benar
[B] Salah

...8/-

27. Kajian "Neurofisiologi" (Neurophysiology) dalam Biokriminologi telah terlibatkan faktor-faktor seperti
- [A] Ketidakfunsian otak yang minima [Minimum Brain Dysfunction (MBD)]
 - [B] Electroencephalogram (EEG) yang tidak normal
 - [C] ElectroBiorythm (EBM) yang tidak stabil
 - [D] Semua di atas adalah benar
 - [E] A dan B sahaja benar.
28. Kajian mengenai kromosom dan jenayah kekerasan terlibatkan kromosom
- [A] XY
 - [B] XX
 - [C] XXY
 - [D] XYY
 - [E] XXX
29. Menurut Freud, sifat moral seorang individual berpunca daripada:-
- [A] id
 - [B] ego
 - [C] superego
 - [D] Semua di atas adalah benar
 - [E] A dan B sahaja benar.

...9/-

30. Menurut ahli-ahli Psychoanalyst sifat kriminaliti merupakan:-

- [A] satu manifestasi perasaan tindasan dan ketidak mampuan untuk membuat sesuatu mengenainya
- [B] satu tindakan yang membebaskan serta memberdikarikan seorang
- [C] satu rasionalisasi mengenai kegagalan diri sendiri
- [D] semua di atas adalah benar
- [E] A dan B sahaja di atas adalah benar.

31. Menurut Albert Bandura, kebanyakan penjenayah dilahir dengan sifat-sifat personaliti yang ganas (aggressif).

- [A] Benar
- [B] Salah

32. Seperti kajian-kajian dahulunya, kajian Hirschi dan Hundelong, juga dapati bahawa tidak ada hubungan (significant) di antara IQ dan penjenayah (Criminaliti) kerana ujian-ujian IQ adalah (bias) berat sebelah berdasarkan ras dan kelas.

- [A] Benar
- [B] Salah

33. MMPI merujuk kepada:-

- [A] Minnesota Multiphasic Personality Inventory
- [B] Malaysian Manipulation Personality Inventory
- [C] Multiple manic Personality Inventory
- [D] Multi Moralistic Personality Internment

...10/-

34. Teori-teori Gelaran (Labeling), Konflik dan Radikal menumpukan impak proses perundungan dan pengkuatkuasa krimionologi undang-undang atas pesalah-pesalah jenayah.
- [A] Benar
[B] Salah
35. Menurut Marx jenayah merupakan satu tindakan pemberontakan terhadap pihak yang berkuasa oleh golongan yang sentiasa dalam kemiskinan
- [A] Benar
[B] Salah
36. Seperti teori Labeling, teori-teori konflik juga menumpukan tingkahlaku jenayah dan penjenayah dalam menjelaskan kenapa jenayah wujud dalam masyarakat.
- [A] Benar
[B] Salah
37. Menurut Tuan Osman, kadar jenayah kekerasan yang terendah adalah di negeri
- [A] Terengganu
[B] Perak
[C] Sabah
[D] Johor
[E] Selangor
38. Menurut Wroblewski dan Hess, jenayah yang serious adalah digelarkan sebagai
- [A] Feloni
[B] Misdemeanor
[C] Jenayah berat.

...11/-

39. Menurut Samaha dalam buku Wrobleski dan Hess, unsur-unsur jenayah yang perlu dibuktikan oleh pihak penguatkuasa undang-undang termasuk.

- [A] Actus Reus
- [B] Mens rea
- [C] Kesan-kesan kecederaan
- [D] semua di atas adalah benar
- [E] A dan B sahaja adalah benar

40. Menurut Wrobleski dan Hess, kadar laporan jenayah ke pihak polis adalah lebih tinggi:

- [A] untuk jenayah kekerasan jika dibandingkan jenayah kecurian
- [B] bila mangsa jenayah kekerasan itu adalah wanita jika dibandingkan dengan mangsa lelaki
- [C] bila mangsa jenayah adalah lebih tua (lebih daripada usia 65 tahun) jika dibandingkan mangsa orang muda (yang berusia 12 - 19)
- [D] semua di atas adalah benar
- [E] A dan C sahaja adalah benar.

...12/-

BAHAGIAN B

Jawab **SATU** soalan sahaja.

1. Sistem kepenjaraan Pulau Pinang mengelasifikasikan banduan-banduannya mengikut beberapa kriteria tertentu. Huraikan 3 jenis kelasifikasi banduan-banduan ini dan hubungkaitkan setiap jenis klasifikasi banduan ini dengan sistem-sistem rawatan, pemulihan dan kawalan yang terdapat dalam Penjara tersebut.

[20 markah]

2. Secara lengkap, huraikan masalah jenayah di Malaysia dengan menumpukan:

[a] Jenayah petunjuk (index crime) di Malaysia

[b] Aliran (trends) jenayah

Kemudian, pilih satu jenis jenayah yang anda minati dan huraikan.

[a] Definisinya

[b] Profilnya

[c] Jenis-jenis hukuman untuk mengawalnya

[d] Implikasinya untuk pembangunan masyarakat Malaysia.

[20 markah]

...13/-

BAHAGIAN C : WAJIB dijawab

1. Untuk setiap paradigma dan (penjelasan) mengenai undang-undang jenayah serta tingkahlaku jenayah di bawah;uraikan (dengan contoh-contoh yang sesuai).
- [a] Punca undang-undang jenayah
 - [b] Sebab musabab kenapa tingkahlaku jenayah wujud
 - [c] Faktor-faktor yang ditumpukan dalam kajian dan penyelidikan
 - [d] Implikasinya untuk pencegahan, kawalan dan pemuliharan penjenayah.

Paradigma

- [i] Konsensus
- [ii] Gelaran (Labeling)
- [iii] Konflik.

[30 markah]

BAHAGIAN D

Secara ringkas bincangkan **SATU** di bawah.

- [a] Televisyen dan tingkahlaku kekerasan (violence)
- [b] Personaliti dan jenayah
- [c] Konflik kebudayaan dan jenayah
- [d] Penjelasan Psikoanatikal dan jenayah
- [e] Persahabatan berbeda (differential Association) dan jenayah
- [f] Somatotype dan jenayah.

[10 markah]

- oo oo oo -

Angka Giliran: _____

SAU 404 - Kriminologi

KERTAS JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A

	(A)	(B)	(C)	(D)	(E)
1.	()	()	()	()	()
2.	()	()	()	()	()
3.	()	()	()	()	()
4.	()	()	()	()	()
5.	()	()	()	()	()
6.	()	()	()	()	()
7.	()	()	()	()	()
8.	()	()	()	()	()
9.	()	()	()	()	()
10.	()	()	()	()	()
11.	()	()	()	()	()
12.	()	()	()	()	()
13.	()	()	()	()	()
14.	()	()	()	()	()
15.	()	()	()	()	()
16.	()	()	()	()	()
17.	()	()	()	()	()
18.	()	()	()	()	()
19.	()	()	()	()	()
20.	()	()	()	()	()

Angka Giliran: _____

SAU 404 - Kriminologi

KERTAS JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A

	(A)	(B)	(C)	(D)	(E)
21.	()	()	()	()	()
22.	()	()	()	()	()
23.	()	()	()	()	()
24.	()	()	()	()	()
25.	()	()	()	()	()
26.	()	()	()	()	()
27.	()	()	()	()	()
28.	()	()	()	()	()
29.	()	()	()	()	()
30.	()	()	()	()	()
31.	()	()	()	()	()
32.	()	()	()	()	()
33.	()	()	()	()	()
34.	()	()	()	()	()
35.	()	()	()	()	()
36.	()	()	()	()	()
37.	()	()	()	()	()
38.	()	()	()	()	()
39.	()	()	()	()	()
40.	()	()	()	()	()